

Graduan tiada kualiti: Dakwaan Profesor Perkins tidak berasas

KUALA LUMPUR 11 Sept. - Dakwaan Prof. Dwight H. Perkins dari Universiti Harvard yang menggambarkan universiti di negara ini tidak berupaya melahirkan graduan yang boleh memacu inovasi serta pembangunan penyelidikan adalah tidak berasas.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), **Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim** berkata, beliau kesal dengan kenyataan Perkins yang dibuat tanpa mendapatkan maklumat atau dibekalkan dengan data rujukan yang tidak tepat berkaitan pencapaian universiti di negara ini.

Kata beliau, Perkins menyatakan antaranya berpunca daripada masalah universiti itu sendiri yang mana pelantikan presiden atau rektor mahupun naib canselor universiti dikatakan dipilih oleh kerajaan.

"Bukan sahaja beliau (Perkins) langsung tidak mengetahui proses rapi yang digunakan dalam pelantikan berkenaan, malah tidak memahami bahawa ketua eksekutif sesebuah universiti di Malaysia dan beberapa negara lain disokong dengan tadbir urus yang mantap, berintegriti dan berkesan.

"Dalam konteks ini, tadbir urus universiti adalah berbeza-beza antara negara. Malahan tadbir urus di kebanyakan universiti juga agak berbeza namun seimbang dalam banyak dimensi melibatkan Senat Universiti, Lembaga Pengarah Universiti dan jawatankuasa tertentu untuk melihat perkembangan akademik, penyelidikan serta kewangan," katanya.

Daing berkata demikian ketika mengulas kenyataan yang dibuat Perkins ketika mengadakan pembentangan dalam seminar ekonomi bertajuk *Policy Imperatives to Drive Future Growth* anjuran Jeffrey Cheah Institute-Malaysian Economic Association (JCI-MEA) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, **Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak** berkata, peningkatan jumlah pelajar asing selain pembukaan banyak cawangan universiti luar di negara ini membuktikan graduan universiti tempatan diiktiraf oleh pelbagai pihak antara-

bangsa.

Beliau berkata, sistem pendidikan negara telah melalui pelbagai transformasi manakala universiti-universiti tempatan menerima banyak akreditasi berprestij di peringkat antarabangsa serta setaraf universiti terkemuka di dunia.

Katanya, kerajaan juga mempunyai Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi menjamin kualiti mahasiswa universiti tempatan selain mempunyai agenda yang sangat maju ke hadapan dalam melahirkan graduan yang holistik.

"Kita sedang menyediakan graduan untuk menghadapi revolusi industri 4.0 dan kita telah banyak buat perubahan dari segi kokurikulum, kemahiran, tenaga pengajar, memberi latihan yang bersesuaian dan juga meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa tempatan," katanya.

Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka, **Prof. Dr. Mohd. Taib Dora** pula berpandangan, dakwaan negara tidak dapat melahirkan graduan berkualiti disifatkan tidak berasas kerana kemungkinan Perkins melihat pencapaian tersebut sedekad yang lalu dan tidak mempunyai maklumat terkini terhadap kemajuan pesat dalam sistem pendidikan tinggi di negara ini.

Beliau sebaliknya menegaskan, kerajaan sentiasa membuat penambahbaikan dalam sistem pendidikan tinggi dan banyak perubahan telah dilakukan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

"Perkins sepatutnya berlaku adil dalam membandingkan universiti tempatan yang masih 'muda' dengan universiti di barat seperti Universiti Harvard yang telah berusia lebih 300 tahun. Walaupun universiti di negara kita contohnya, Universiti Malaya (UM) sudah mencapai 100 tahun, namun kita tetap tidak kalah dari segi pencapaian," ujarnya.

Jelas beliau, penambahbaikan tersebut terbukti apabila berjaya melahirkan lima universiti penyelidikan iaitu UM, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.